

A REMARKABLE YEAR

DEAR SHAREHOLDERS,

It has indeed been a remarkable year for the Group as our short and long term strategic planning, coupled with a concerted effort towards achieving our set objectives, peaked with an excellent financial performance for the year ended 31 December 2003.



PENYATA PENERUS

PARA PEMEGANG SAHAM SEKALIAN,

Sesungguhnya tahun 2004 merupakan tahun yang amat memberangsangkan untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad. Pencapaian ini adalah hasil usaha yang telah dilaksanakan melalui perancangan strategik untuk jangka masa pendek mahupun panjang bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Kejayaan ini adalah ternyata dengan kedudukan kewangan yang cemerlang untuk tahun berakhir 31 Disember 2003 turut menyumbang kepada kejayaan ini.

TAHUN YANG MENGKAGUMKAN

Gen. (R) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Hj. Che Mat
CHAIRMAN PENERUS

RIGHT, BELOW Annual General Meeting in session
Mesyuarat Agung Tahunan sedang berlangsung

RIGHT BOTTOM, FAR RIGHT BOTTOM Boustead staff
attending 7 Habits of Highly Effective People programme
*Kakitangan Boustead yang menghadiri program 7 Tabiat
Manusia Yang Amat Berkesan*



The Group registered a commendable RM208 million in pre-tax profit for the year under review. This performance was propelled primarily by the property and plantation divisions and supported by exemplary operational and financial performances from the other divisions within the Group. It is important to note neither the Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS) nor the war in Iraq in early 2003 impeded our success. Clearly we have become a stronger corporate entity to withstand adverse external pressures.

This year also witnessed the accomplishment of various corporate exercises and fund raising programmes for the Group, most notably being the successful voluntary offer to acquire the remaining shares of Kuala Sidim Berhad not already held and taking the company private.

Looking forward, prospects of the Group in 2004 remain positive, thanks to a resurgence in the global economy and a continued upward momentum on the national front.

As a Group, we intend to take full advantage of these encouraging developments by building on our inherent strengths, capitalising on our well-positioned strategies and setting new standards of corporate governance and transparency. In essence, we intend to remain steadfast to our long term goal of building value into our businesses with the ultimate aim of enhancing returns for our shareholders.

On behalf of the Board of Directors, it is my pleasure to present this Annual Report and the audited Financial Statements of Boustead Holdings Berhad for the financial year ended 31 December 2003.

ECONOMIC BACKGROUND

The era of economies without boundaries or what is generally termed as globalisation could not be better reflected than the impact of SARS, the war in Iraq, terrorism and rising oil prices during the first half of 2003. While the Malaysian government's swift and pro-active measures have mitigated the negative impact of these developments, there is no denying that our Malaysian economy is still largely influenced by external factors.

The economic rebound in major export markets namely the United States, Europe and Japan in the second half of 2003 is expected to achieve further momentum in 2004. The continuous expansion of India and China, each a giant potential market has successfully fuelled upbeat sentiments and optimism in Malaysia and the region. The continued growth of intra-regional trade primarily within the ASEAN region will herald new beginnings for the strengthening of our export markets as well.

Kumpulan Boustead telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM208 untuk tahun yang dikaji. Bahagian hartanah dan perladangan merupakan tunggak dalam pencapaian ini. Tahap operasi yang lebih efektif dan efisien serta kedudukan kewangan yang bertambah baik oleh bahagian-bahagian lain dalam Kumpulan turut membantu dalam mencapai keuntungan. Perlu dinyatakan di sini bahawa Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) dan peperangan di Iraq tidak menggugat kedudukan syarikat. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa kita telah menjadi semakin utuh dan mampu untuk bertahan walaupun berada dalam keadaan yang tidak menentu.

Tahun ini juga turut menyaksikan kejayaan dalam melaksanakan beberapa aktiviti korporat serta program bagi pengumpulan dana baru. Ini dapat dilihat dengan kejayaan menswastakan semula Kuala Sidim Berhad melalui tawaran sukarela dalam usaha Kumpulan membeli saham yang belum dimilikinya.

Memandang ke hadapan, prospek Kumpulan untuk tahun 2004 akan terus positif memandangkan pemulihan ekonomi global serta percambahan ekonomi negara yang semakin pesat.

Dengan perkembangan yang lebih positif ini, Kumpulan akan lebih bersedia dalam mengambil peluang dengan mengukuhkan kekuatan sedia ada, mengguna pakai pendekatan yang lebih strategik dan menetapkan piawaian baru dalam memastikan urus tadbir korporat yang baik dan telus. Secara khusus, kami akan berpegang teguh kepada objektif jangka panjang untuk meningkatkan nilai di dalam perniagaan kami bertujuan untuk menambahkan lagi pulangan kepada para pelabur kami.

Bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Beraudit Boustead Holdings Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.

LATAR BELAKANG EKONOMI

Era ekonomi tanpa sempadan atau lebih dikenali sebagai globalisasi kini semakin jelas dengan kesan daripada Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS), peperangan di Iraq, keganasan dan kenaikan harga minyak secara mendadak pada pertengahan 2003. Walaupun usaha pantas serta pendekatan proaktif kerajaan Malaysia telah mengurangkan kesan negatif perkembangan-perkembangan ini, kita tidak dapat menafikan bahawa ekonomi Malaysia masih lagi secara umumnya, dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran.

Pemulihan ekonomi di pasaran eksport utama negara iaitu Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun, pada separuh kedua 2003 dijangka berterusan dengan lebih giat ke tahun 2004. Pertumbuhan berterusan pasaran di India dan China juga telah menyemarakkan sentimen dan perasaan optimis di Malaysia dan rantau ini. Di samping itu, aktiviti dagangan antara serantau terutamanya dalam ASEAN merupakan titik tolak pengukuhan pasaran eksport negara.

LEFT BELOW Oil palm nursery
Tapak semaian kelapa sawit

BELOW Fresh fruit bunches
Beberapa tandan kelapa sawit



RIGHT 'Cineleisure Damansara' (artist impression) will have 10 cineplexes and 24 lanes of bowling alleys together with other entertainment features. 'Cineleisure Damansara' (lakaran artis) yang dijangka siap pada tahun 2005 akan mempunyai 10 panggung wayang dan 24 lorong boling selain hiburan lain.



The effects of this trend have already been made clear when Bank Negara recently announced a higher-than-forecast 6.4% growth in Malaysia's fourth quarter 2003 gross domestic product (GDP) that affected a cumulative GDP growth of 5.2% for the whole of 2003. This was further buoyed by the reported growth of 12% and 8.2% in the manufacturing and services sectors respectively in the fourth quarter of 2003.

In addition, the private sector in Malaysia was also reported to be recovering steadily with private consumption recording a growth of 5.7% in 2003, and expected to grow even further in 2004 thanks to a buoyant stock market and lower interest rates.

Barring unforeseen circumstances, these indicators, which clearly signal a broad base growth of the economy, will bode well particularly for the property, agriculture, finance, manufacturing and services sectors, all of which the Group has substantial interests in.

FINANCIAL REVIEW

The Group turned in yet another sterling financial performance for the year ended 31 December 2003 as it recorded a pre-tax profit of RM208 million on the back of a turnover of RM1.08 billion. This is comparable with a pre-tax profit of RM152 million on the back of a turnover of RM983 million for the previous period. The results represent a substantial increase of more than 37% in pre-tax profit. Profit attributable to shareholders increased by 63% to RM113 million as compared with last year. This notable improvement is attributable to the enhanced

results generated by a cross spectrum of businesses under the Group which contributed to the overall bottom line.

With palm oil prices averaging over RM1,500 per metric tonne (MT) during the financial year under review compared with an average of RM1,287 per MT for the corresponding period last year, the Plantation Division managed to rake in a pre-tax profit of RM115 million, representing 55% of the Group's overall pre-tax profit.

Meanwhile, our Property Division chalked up RM94 million in pre-tax profit during the period as SCB Developments Berhad's high quality and much-in-demand residential and commercial development at Mutiara Damansara came on stream in a more evident manner.

As for our Finance and Investment Division, Affin Holdings Berhad managed to achieve a group pre-tax profit of RM142 million of which our share was RM29 million while the Manufacturing Division delivered a pre-tax profit of RM20 million with profit coming mainly from UAC Berhad. All other divisions in the Group also managed to record improved performances.

Earnings per share for the year ended 31 December 2003, after adjusting for rights and bonus issues, as well as some prior year adjustments, improved to 26.0 sen from 16.9 sen in the previous year while net tangible asset per share, as a result of our rights issue, was a dilution to RM3.19 from RM3.50 last year.

Kesan daripada aliran ini jelas apabila Bank Negara mengumumkan pertumbuhan yang lebih tinggi daripada ramalan sebanyak 6.4% bagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia untuk suku keempat 2003 baru-baru ini yang mempengaruhi pertumbuhan KDNK terkumpul sebanyak 5.2% bagi keseluruhan 2003. Ini seterusnya dirangsang oleh pertumbuhan sebanyak 12% dan 8.2% yang dilaporkan bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan dalam suku keempat 2003.

Di samping itu, sektor swasta di Malaysia juga dilaporkan telah semakin pulih dengan penggunaan persendirian mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.7% pada tahun 2003, dan dijangka akan terus berkembang pada 2004 berikutan pasaran saham yang cergas dan kadar faedah yang rendah.

ULASAN KEWANGAN

Kumpulan telah menghasilkan satu lagi keputusan cemerlang untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 apabila ia mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM208 juta daripada perolehan sebanyak RM1.08 bilion. Ini berbanding dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM152 juta berdasarkan perolehan sebanyak RM983 juta untuk tempoh yang lepas. Keputusan ini merupakan peningkatan ketara yang melebihi 37% bagi keuntungan sebelum cukai. Keuntungan bagi pemegang saham meningkat sebanyak 63% kepada RM113 juta berbanding tahun lepas. Peningkatan keuntungan yang dihasilkan oleh pelbagai bentuk perniagaan yang dijalankan oleh Kumpulan jelas menghasilkan pertambahan yang amat ketara kepada keuntungan Kumpulan.

Dengan harga purata minyak sawit berada di paras RM1,500 setan metrik (TM) berbanding purata RM1,287 setiap TM untuk tahun kewangan yang lepas, Bahagian Perladangan telah berjaya mengaut keuntungan sebelum cukai sebanyak RM115 juta, yang merangkumi 55% daripada keuntungan sebelum cukai keseluruhan untuk Kumpulan.

Sementara itu, Bahagian Hartanah telah mendapat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM94 juta untuk tempoh yang sama berikutan permintaan yang tinggi untuk produk hartanah kediaman dan komersil berkualiti di Mutiara Damansara, yang dimajukan oleh SCB Developments Berhad.

Untuk Bahagian Kewangan dan Pelaburan, Affin Holdings Berhad telah berjaya mencatat keuntungan sebelum cukai Kumpulan sebanyak RM142 juta di mana RM29 juta merupakan bahagian Boustead Holdings Berhad. Bahagian Pembuatan telah menghasilkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM20 juta, sebahagian besar daripadanya disumbang oleh UAC Berhad. Bahagian-bahagian lain dalam Kumpulan turut meningkatkan prestasi masing-masing.

Pendapatan setiap saham untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 telah bertambah kepada 26.0 sen daripada 16.9 sen untuk tahun lepas, selepas pelarasan untuk terbitan saham hak dan saham bonus syarikat, dan juga beberapa perkara lain, manakala aset ketara bersih (NTA) setiap saham telah menurun daripada RM3.50 untuk tahun lepas kepada RM3.19 disebabkan oleh terbitan saham hak.

FAR RIGHT The Royale Bintang.

RIGHT Exchange of documents between Linear Cooling Industries Sdn Bhd and Mutiara Rini Linear DCP Sdn Bhd.
Pertukaran dokumen antara Linear Cooling Industries dan Mutiara Rini Linear DCP Sdn Bhd.



DIVIDEND

We are indeed pleased with our shareholders' commitment and confidence in the Group, which was reflected in the 100% take-up of our rights issue in October 2003. Clearly, a prudent management philosophy coupled with strong corporate governance has endeared the shareholders to the way we manage the Boustead Group. We are firm believers that loyalty should be rewarded and this was exercised with our one for three bonus issue in December 2003.

Despite the enlarged shareholding, the Board is pleased to recommend a 17.5% final dividend on the enlarged share capital. This, together with the 7.5% paid in November 2003, makes a total distribution of 25% (2002: 17.5%). In monetary terms, total distribution will cost the Group RM41.8 million (2002: RM17.2 million).

FINANCE

The finances of the Group were stretched by the voluntary offer to acquire the minority interest in Kuala Sidim Berhad (KSB) in order to take the company private. Total cost of RM325 million was mitigated by a rights issue which raised RM218 million.

Net borrowings as of 31 December 2003 stood at RM1,533 million (2002: RM1,430 million). Despite the higher borrowing level, the gearing ratio reduced to 0.88 times from 1.00 times in 2002 due to the higher shareholders' funds.

The RM300 million fund raising programme by SCB Developments Berhad mentioned in the 2002 Annual Report was been successfully completed during the year at an attractive interest rate of 6%. We are currently embarking on another bank guaranteed Serial Bonds (RM250 million) and Redeemable Convertible Bonds (RM100 million) to match our long term investments with long term funding.

SCB Developments Berhad in November 2003 announced a rights and bonus issue which will see an increase in capitalisation by RM210 million. The proceeds will be primarily utilised for the construction of our lifestyle development at Mutiara Damansara known as 'the Curve' for which the township has already been awarded the best planned township by the Malaysian Institute of Planning in December 2003.

CORPORATE DEVELOPMENT

The voluntary offer to acquire the remaining 43% minority shareholders of KSB was the most significant corporate development during the financial period. I am pleased to report that save for the 0.2% of the shares or 287,000 shares out of more than 53 million shares, the exercise was successfully completed in September 2003. We are confident that the Group will resolve all issues in relation to the remaining shares in the short term. The entire exercise, which cost RM325 million, enables the Group to recognise 99.8% of the earnings of KSB.

In addition, the year under review also saw the Group acquiring Trunkline Plantations Sdn Bhd, which owns 2,885 hectares of plantation land in Sabah at a cost of RM18.2 million as well as 996 hectares of virgin jungle in Johore which will be jointly developed with Permodalan Darul Takzim Sdn Bhd into an oil palm plantation.

FAR LEFT, LEFT Directors attending a course on Corporate Governance.
Para pengarah semasa menghadiri kursus Tadbir Urus Korporat.



DIVIDEN

Kami amat berpuas hati dengan komitmen dan keyakinan terhadap Kumpulan yang diberikan oleh para pemegang saham kami, yang ditunjukkan dengan pembelian 100% terbitan saham hak pada bulan Oktober 2003. Jelas sekali, falsafah pengurusan berhemat di samping urus tadbir korporat yang kukuh telah meyakinkan para pemegang saham terhadap cara kita menguruskan Kumpulan Boustead. Kami amat percaya kesetiaan perlu diberi ganjaran, dan ini telah dilaksanakan melalui terbitan saham bonus satu untuk tiga pada bulan Disember 2003.

Meskipun pemegangan saham kini adalah lebih besar, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya mencadangkan dividen akhir sebanyak 17.5% di atas modal saham yang diperbesarkan. Mengambil kira 7.5% dividen yang dibayar pada November 2003, jumlah peratusan dividen yang akan diagihkan adalah 25% (2002: 17.5%). Dari segi kewangan, jumlah wang yang akan diagihkan oleh Kumpulan adalah sebanyak RM41.8 juta (2002: RM17.2 juta).

KEWANGAN

Tawaran sukarela untuk membeli saham daripada pemegang saham minoriti dalam usaha menswastakan Kuala Sidim Berhad (KSB) telah memberi kesan kepada kedudukan kewangan Kumpulan. Jumlah kos sebanyak RM325 juta telah dibantu dengan terbitan saham hak yang menjana dana sebanyak RM218 juta.

Kedudukan pinjaman bersih pada 31 Disember 2003 berjumlah RM1,533 juta (2002: RM1,430 juta). Walaupun tahap pinjaman adalah tinggi, kadar penggearan telah berkurang kepada 0.88 kali daripada 1.00 kali pada tahun 2002 ekoran daripada jumlah dana pemegang saham yang lebih tinggi.

Program pengumpulan dana [fund raising] sebanyak RM300 juta oleh SCB Developments Berhad yang dinyatakan di dalam Laporan Tahunan 2002 telah berjaya dicapai pada kadar faedah yang menarik sebanyak 6%. Kini, kami sedang berusaha untuk mengumpul satu lagi dana jangka panjang melalui Bon Bersiri jaminan bank (RM250 juta) dan Bon Boleh Tebus Boleh Tukar (RM100 juta) untuk tujuan pelaburan jangka panjang kami.

Pada bulan November 2003, SCB Developments Berhad telah mengumumkan terbitan saham hak dan saham bonus yang akan meningkatkan modalnya sebanyak RM210 juta. Perolehan ini akan diperuntukkan terutamanya kepada pembinaan pembangunan kompleks membeli-belah di Mutiara Damansara yang dikenali sebagai 'the Curve'. Projek perbandaran ini telah memenangi anugerah perancangan perbandaran terbaik yang diberikan oleh Institut Perancangan Malaysia pada bulan Disember 2003.

PERKEMBANGAN KORPORAT

Tawaran sukarela untuk membeli pegangan sebanyak 43% daripada pemegang saham minoriti KSB merupakan perkembangan korporat paling ketara sepanjang tempoh kewangan. Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa usaha ini telah berjaya disempurnakan pada bulan September 2003, kecuali 0.2% saham atau 287,000 saham daripada lebih kurang 53 juta saham. Kami amat yakin semua isu berkaitan saham-saham yang belum dibeli akan dapat diselesaikan oleh Kumpulan dalam jangka masa yang singkat. Usaha ini, yang keseluruhannya bernilai RM325 juta akan membolehkan Kumpulan mendapat 99.8% daripada pendapatan KSB.

Tahun yang dikaji turut menyaksikan Kumpulan mengambil alih Trunkline Plantations Sdn. Bhd, yang memiliki tanah perladangan seluas 2,885 hektar di Sabah, pada harga RM18.2 juta dan juga kawasan hutan seluas 996 hektar di Johor yang akan dimajukan kepada perladangan kelapa sawit bersama Permodalan Darul Takzim Sdn Bhd.





HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT

The Group has always acknowledged the fact that an organisation is only as good as the people that work for it and our successes to date are the result of dedication, hard work and commitment from all our employees.

We continue to be fully committed towards the personal and professional development of our employees, and the period under review saw the completion of a training and development programme themed the 'Corporate Culture Programme' which focuses on employee character building.

Under this Group wide programme, employees were given the opportunity to undergo training under the highly acclaimed 'Seven Habits of Highly Effective People' programme in either English or Bahasa Malaysia. The programme was carried out by both external and internal professional trainers.

We are confident that this programme will enable our employees to live their lives based on desired values and principles – the very same values and principles which have propelled the Group to where it is today. We believe that nurturing these values and principles will in turn provide our employees with the foundation to lead a more balanced life.

CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY

Boustead aspires to be recognised as much for our commitment to social responsibility as we are for the quality of our service. Throughout our 175-year history, we have been involved in various charitable projects for the benefit of the community, selected charitable organisations and also underprivileged children, just to name a few.

Through Yayasan Warisan Perajurit, a trust fund established and managed by the Group, we offer financial aid to the children of armed forces personnel to assist them in their education and to the disabled. In addition, the Yayasan via its collaboration with the University of Nottingham Malaysian Campus, offers a number of scholarships to members of the armed forces to pursue their studies at the University. In 2003, the Group contributed RM1 million to the Yayasan.

As part of our initiatives to provide sufficient housing for all stratas of society, the Group handed over some of the low and medium-cost apartments at Mutiara Damansara to retired and serving personnel of the Malaysian Armed Forces and members of the public in July 2003.

FAR LEFT Deputy Prime Minister officiating at Mutiara Damansara's key handing over ceremony for the low and low medium cost apartments.
Timbalan Perdana Menteri merasmikan upacara penyerahan kunci rumah-rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah Mutiara Damansara.

LEFT Security fencing features at our 'Desa Mutiara' low and low medium cost apartments at Mutiara Damansara.
Pagar keselamatan dipasang di sekeliling rumah-rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah Mutiara Damansara yang juga dikenali sebagai 'Desa Mutiara'.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Kumpulan sentiasa menghargai hakikat bahawa sebuah organisasi hanyalah sebaik mereka yang bekerja untuknya dan kejayaan kini hasil daripada dedikasi, ketekunan dan komitmen daripada semua kakitangan kami.

Dalam meneruskan usaha untuk meningkatkan perkembangan peribadi dan profesional semua kakitangan, satu program latihan dan perkembangan yang dinamakan 'Program Budaya Korporat' telah dilaksanakan, di mana tumpuan adalah kepada pembinaan peribadi kakitangan.

Di bawah program Kumpulan, kakitangan telah diberi peluang untuk menjalani latihan di bawah program 'Tujuh Tabiat Orang Yang Sangat Efektif' yang dijalankan dalam Bahasa Inggeris ataupun Bahasa Malaysia. Program ini dijalankan oleh jurulatih-jurulatih profesional dalaman dan luaran.

Kami yakin program ini akan membolehkan kakitangan kami menjalani kehidupan berdasarkan nilai dan prinsip yang diperlukan – iaitu nilai dan prinsip yang sama yang telah mendorong kepada kejayaan Kumpulan hari ini. Kami percaya dengan penerapan nilai-nilai dan prinsip-prinsip ini akan menyediakan kakitangan kami dengan asas-asas menjalani kehidupan yang lebih seimbang.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Selain daripada mutu perkhidmatannya, harapan Boustead juga adalah untuk dikenali melalui komitmennya terhadap tanggungjawab sosial. Sepanjang 175 tahun beroperasi, kami telah terlibat di dalam pelbagai projek kebajikan, antaranya untuk manfaat masyarakat, organisasi kebajikan terpilih dan juga kanak-kanak yang kurang bernasib baik.

Melalui Yayasan Warisan Perajurit, sebuah tabung amanah yang ditubuhkan dan diterajui oleh kami, kami telah memberi bantuan kewangan kepada anak-anak anggota tentera, terutamanya di dalam bidang pendidikan dan mereka yang kurang berupaya. Bagi tahun 2003, Kumpulan telah membuat sumbangan sebanyak RM1 juta kepada Yayasan ini. Selain itu, Yayasan juga telah menawarkan beberapa biasiswa kepada anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia yang sedang berkhidmat melalui kerjasama dengan University of Nottingham untuk melanjutkan pelajaran di universiti tersebut.

Pada bulan Julai 2003, kami juga telah berjaya menyerahkan sebahagian daripada apartmen kos rendah dan sederhana di Mutiara Damansara kepada pembeli-pembeli rumah dari kalangan anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia dan orang awam sebagai inisiatif sosial kami untuk membantu menyediakan perumahan untuk semua peringkat masyarakat.

ICT DEVELOPMENT

Recognising the significance of Information and Communications Technology (ICT) in supporting the Group's businesses in today's highly competitive environment, the Group has taken various initiatives to upgrade our ICT infrastructure during the year under review.

In 2003, the Group's Local Area Network and Wide Area Network had been redesigned and installed with higher bandwidth facilities to enhance security, performance and to effectively support current and future systems.

The Group also upgraded or replaced the existing application system and purchased new systems including Bill of Materials, Marketing, Company Secretarial and Accounting systems to enhance our efficiency and services that will directly benefit our customers.

In the coming year, more customer-centric, business intelligence and resources related ICT solutions will be implemented to provide the Group with enhanced management and support systems.

OUTLOOK AND PROSPECTS

With key indicators pointing towards a robust growth in the Malaysian economy in the coming years, we are indeed confident in the further enhancement of the Group's performance on a broad-based perspective.

The Plantation and Property Divisions will continue to be the main contributors to the Group's profit in the short term.

We are certainly optimistic as palm oil prices are expected to remain buoyant, thanks to the continued exceptional growth in world demand for palm oil due to its attractive price discount of over US\$100 per MT from rival soy oil. The current palm oil price level of more than RM1,800 per MT coupled with larger areas of plantation capacity coming into full stream augurs well for the Group's future earnings from our Plantation Division.

With increased consumer confidence in Johore and Klang Valley where our two property projects are located, coupled

with low interest rates and a buoyant stock market, we foresee strong consumer spending trends both in the retail sector and for big-ticket items, such as homes and properties. This will certainly be a boon to our high-end properties at Mutiara Damansara as well as our first retail mall – 'the Curve' – that is expected to be completed by the end of 2004.

As the earliest indicators to economic growth will be felt in the nation's financial sector, we are confident that the Affin Group will do well in the coming financial year. We are also confident this broad based economic growth will have a positive effect on all our other divisions.

With the stage set for the Group to achieve greater heights of success and barring any unforeseen circumstances, the directors are reasonably optimistic of the Group's ability to achieve yet another impressive performance in 2004.

ACKNOWLEDGEMENTS

We acknowledge the steadfast commitment and dedication of all our employees and I would like to take this opportunity to place on record our gratitude for a job very well done. I also thank our shareholders, financiers, business associates and the authorities for their unwavering support throughout the years.

Gen. (R) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Hj. Che Mat
Chairman

8 March 2004

RIGHT One of the sports club's activities – a trip to Cameron Highlands.
Salah satu aktiviti Kelab Sukan – lawatan ke Cameron Highlands.

FAR RIGHT Boustead's participation during Labour Day.
Penyertaan Boustead semasa Hari Pekerja.



PERKEMBANGAN ICT

Kumpulan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk mempertingkatkan lagi infrastruktur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) kami untuk tahun ini memandangkan kepentingan peranan ICT di dalam menyokong perniagaan-perniagaan yang dijalankan oleh Kumpulan di dalam suasana yang sangat berdaya saing kini.

Pada tahun 2003, Rangkaian Kawasan Tempatan dan Rangkaian Kawasan Luas Kumpulan telah direka semula dan dilengkapi dengan kemudahan jalur lebar yang lebih tinggi untuk mempertingkatkan lagi ciri-ciri keselamatan, prestasi dan untuk menyokong sistem kini dan masa hadapan dengan lebih berkesan.

Kumpulan juga telah mengambil langkah-langkah mengganti atau mempertingkatkan sistem aplikasi yang sedia ada dan membeli sistem yang baru termasuk sistem Bil Bahan, Pemasaran, Setiausaha Syarikat dan sistem Perakaunan untuk meningkatkan lagi keberkesanan dan perkhidmatan yang akan memanfaatkan pelanggan-pelanggan kami.

Untuk tahun yang akan datang, lebih banyak penyelesaian berkaitan ICT untuk kepentingan pelanggan, kepintaran perniagaan dan pengurusan sumber akan dilaksanakan untuk meningkatkan lagi sistem pengurusan dan sokongan Kumpulan.

TINJAUAN MASA HADAPAN DAN PELUANG KEJAYAAN

Berdasarkan petunjuk bahawa ekonomi Malaysia akan menyaksikan pertumbuhan kukuh pada masa hadapan, kami amat yakin akan peningkatan prestasi Kumpulan daripada perspektif yang lebih luas.

Bahagian-bahagian Perladangan dan Hartanah akan terus menjadi penyumbang utama kepada keuntungan jangka pendek Kumpulan.

Kami sememangnya optimistik terhadap harga minyak sawit yang akan kekal kukuh berikutan permintaan berterusan dunia yang tinggi untuk minyak sawit, disebabkan oleh potongan harga sebanyak US\$100 setiap TM yang lebih menarik daripada minyak soya. Pertambahan pendapatan Kumpulan daripada Bahagian Perladangan amat cerah berdasarkan harga terkini minyak sawit yang melebihi RM1,800 setiap TM dan peningkatan kapasiti pengeluaran daripada kawasan ladang yang lebih besar.

Kami menjangkakan perbelanjaan pengguna akan meningkat untuk sektor peruncitan dan hartanah berpandukan peningkatan keyakinan pengguna di Johor dan Lembah Klang di mana terletaknya dua projek hartanah kami, kadar faedah pinjaman yang rendah dan pasaran saham yang kukuh. Ini merupakan perkembangan baik bagi projek hartanah kos tinggi kami di Mutiara Damansara termasuk juga pusat membeli-belah kami yang pertama – ‘the Curve’ – yang dijangka siap pada penghujung tahun 2004.

Oleh kerana petunjuk awal pertumbuhan ekonomi boleh dirasai melalui sektor kewangan negara, kami yakin Kumpulan Affin akan memberi sumbangan yang baik untuk tahun kewangan yang akan datang. Kami juga yakin pertumbuhan ekonomi yang menyeluruh ini akan memberi kesan positif kepada semua bahagian lain.

Para pengarah berasa optimistik akan satu lagi pencapaian yang lebih hebat pada tahun 2004 kerana prasarana telah tersedia untuk Kumpulan mencapai kejayaan yang lebih cemerlang, melainkan muncul perkara-perkara di luar jangkaan kami.

PENGHARGAAN

Kami menghargai komitmen dan dedikasi setia semua kakitangan kami dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih di atas tugas yang dijalankan dengan baik. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para pemegang saham, pembiaya, rakan niaga dan pihak berkuasa berkaitan, atas sokongan teguh mereka sepanjang tahun kepada Kumpulan.



Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Hj. Che Mat
Pengerusi

8 Mac 2004



CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW

ABEDROCK OF GROWTH



Y. Bhg. Tan Sri Dato' Lodin Wok Kamaruddin
GROUP MANAGING DIRECTOR
PENGARAH URUSAN KUMPULAN



TOP An aerial view of an estate.
Pemandangan sebuah estet dari udara.



TOP RIGHT Oil palm harvesting.
Penuaian kelapa sawit.

MEMBENTUK ASAS YANG KUKUH

Dear Shareholders

A strong bedrock of strategic planning, sound management and prudent investment has led us to our consecutive sustained results with a sterling record in the face of adverse economic environment. The result is testimony that the five primary divisions of property, plantation, finance and investment, manufacturing and trading and the service industry can weather any given economic challenges.

FINANCIALS

The Group achieved a pre-tax profit of RM208 million for the financial year ended 31 December 2003 on the back of a turnover of RM1.08 billion, scaling new heights in financial success. The profit reflects a significant increase of 37% compared with the previous corresponding year's profit of RM152 million.

The year's profit has bolstered our earnings per share to 26.0 sen from 16.9 sen the previous year. Our shareholders' funds have similarly grown from RM1.4 billion to RM1.7 billion.

Clearly, the Group is well positioned to capitalise on its accumulated strengths while remaining steadfast to its core business competencies. Essentially, we expect to continue to make further progress in our five business divisions.

Para Pemegang Saham

Dalam keadaan ekonomi yang tidak memberangsangkan, asas kukuh dalam perancangan strategik, pengurusan baik serta pelaburan bijak telah membawa kepada pencapaian keputusan terbaik secara berterusan. Ini membuktikan bahawa kelima-lima bahagian iaitu hartanah, perladangan, kewangan dan pelaburan, pembuatan dan perdagangan, dan industri perkhidmatan boleh menghadapi sebarang cabaran ekonomi.

KEPUTUSAN KEWANGAN

Kumpulan telah memperolehi keuntungan sebelum cukai sebanyak RM208 juta untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 di atas pendapatan sebanyak RM1.08 bilion yang menunjukkan satu tahap baru dalam kejayaan kewangan. Keuntungan ini mencerminkan pertambahan ketara sebanyak 37% berbanding dengan keuntungan tahun lepas sebanyak RM152 juta.

Keuntungan pada tahun ini telah meningkatkan pulangan setiap saham kepada 26.0 sen daripada 16.9 sen untuk tahun lepas. Dana pemegang saham juga telah meningkat daripada RM1.4 bilion kepada RM1.7 bilion.

Jelas sekali, Kumpulan berada di dalam kedudukan untuk menjana kekuatan terkumpulnya dan pada masa sama berpegang kukuh kepada kebolehan perniagaan asasnya. Oleh itu, harapan kami adalah untuk terus mencapai kemajuan dalam kelima-lima bahagian perniagaan kami.



TOP The Chief Minister of Sarawak officiating at Kanowit Palm Oil Mill.
Ketua Menteri Sarawak merasmikan pelancaran Kilang Kelapa Sawit Kanowit.

CORPORATE GOVERNANCE

In leading and managing the Boustead Group, we are ever conscious of the need to enforce sound financial standards and corporate governance. To this end, we have adopted all accounting standards approved by the Malaysian Accounting Standards Board (MASB), including MASB 25 'Income Taxes'. Compliance with MASB 25 constituted a change in accounting policy which allowed us to measure and recognise deferred tax assets. In addition, we have enhanced our policy for the treatment of goodwill and negative goodwill to be in line with current best practice.

RATIONALISATION

We have completed the year with much effort and planning as our rationalisation exercise to streamline our plantation assets and operations has come to fruition. This is clearly reflected in how we have taken Kuala Sidim Berhad private, affording us more speed and options in implementing changes to achieve operational efficiencies. Boustead Holdings Berhad is now listed under the plantations sector of the Malaysia Securities Exchange Main Board while SCB Developments Berhad has been reclassified from plantations to the properties sector.

BRANDING

This year saw our plans for the Boustead brand becoming a reality with our corporate branding initiatives. To better reflect our strength and diversity in our 80-odd companies, both listed and non-listed, greater emphasis is being placed to build the Boustead brand, mirroring a Malaysian conglomerate with a sound foundation of corporate governance and solid fundamentals. In this respect, we expect to see a major step towards the rebranding of SCB Developments Berhad to Boustead Developments Berhad which will require approval of shareholders at the forthcoming Annual General Meeting.

MOVING FORWARD

The planning and execution of the Group's strategy is built on its unwavering commitment to ensure positive yields from every business unit within its ambit with the intent of improving shareholder's value for the coming financial year and beyond. To this end, I present to you our review of operations by division with a further segmentation on key sectors within each division. We trust you will find our detailed reports informative.

Tan Sri Dato' Lodin Wok Kamaruddin
Group Managing Director

8 March 2004



LEFT An artist impression of 'the Curve'.
Lakaran pelukis untuk 'the Curve'.

URUS TADBIR KORPORAT

Dalam memimpin dan mengurus Kumpulan Boustead, kami sentiasa prihatin terhadap keperluan menguatkuasa piawaian kewangan yang baik dan tadbir urus korporat. Untuk ini, kami telah menerima pakai kesemua piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB), termasuk MASB 25 'Cukai Pendapatan'. Pemuatan terhadap MASB 25 merangkumi pertukaran atas dasar perakaunan yang membolehkan kami mengukur dan mengenalpasti aset cukai tertunda. Selain itu, kami telah mempertingkatkan dasar untuk mengambil kira muhibah dan muhibah negatif supaya ianya selaras dengan amalan terbaik semasa.

RASIONALISASI

Kami telah mengakhiri tahun ini dengan usaha dan perancangan yang mendalam kerana usaha rasionalisasi kami untuk menyelaraskan aset dan operasi perladangan telah mendatangkan hasil. Ini dicapai melalui penswastan Kuala Sidim Berhad yang membolehkan kami melaksanakan perubahan untuk mencapai tahap operasi yang efisien dengan lebih cepat dan pilihan yang lebih banyak. Boustead Holdings Berhad kini disenaraikan di bawah sektor perladangan di Papan Utama Malaysia Securities Exchange sementara SCB Developments Berhad yang sebelum ini di dalam sektor perladangan ditukar ke sektor hartanah.

PENJENAMAAN

Tahun ini menyaksikan perancangan untuk jenama Boustead menjadi realiti melalui inisiatif jenama korporat kami. Untuk memaparkan kekuatan dan kepelbagaian dalam lebih daripada 80 buah syarikat kami yang tersenarai dan tidak tersenarai, penekanan kuat diberikan untuk membina jenama Boustead yang mencerminkan sebuah konglomerat Malaysia dengan asas tadbir urus korporat yang baik dan fundamental yang kukuh. Di sini, kami berharap untuk mengambil langkah yang besar dengan penukaran jenama SCB Developments Berhad kepada Boustead Developments Berhad yang memerlukan persetujuan pemegang-pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

MAJU KE HADAPAN

Perancangan dan pelaksanaan strategi Kumpulan dibina di atas komitmen bagi memastikan pulangan positif daripada setiap unit perniagaan, yang bertujuan untuk meningkatkan lagi nilai para pelabur bagi tahun kewangan hadapan dan yang seterusnya. Untuk tujuan ini, saya mengajukan semakan operasi mengikut bahagian dengan segmentasi tambahan untuk sektor utama dalam setiap bahagian. Kami harap laporan terperinci ini adalah informatif untuk anda.


Tan Sri Dato' Lodin Wok Kamaruddin
Pengarah Urusan Kumpulan

8 Mac 2004




PLANTATION

KEY FACTS FAKTA PENTING



■ 2003 ■ 2002

AVERAGE PRICES REALISED PURATA HARGA YANG DIREALISASI




■ 2003 ■ 2002

The Plantation Division recorded another year of sterling performance, registering a pre-tax profit of RM115 million on the back of a turnover of RM386 million, marking a 23% increase from the previous year's profit of RM93 million.

To complement the excellent palm oil prices which averaged RM1,504 per MT (2002: RM1,287), the improvements we have achieved this year are partly attributed to the execution of our Yield Improvement Program (YIP) that has been put into place over the last two years. The implementation of the YIP involves two key initiatives towards the realisation of better site yield potential and the adoption of precision agricultural techniques on the estates. The next step towards the full implementation of the YIP is the introduction of AA Aegis as a support decision-making tool planned to be implemented in 2004.


Another factor that has a significant impact on the Division's earnings is the influence of buoyant crude palm oil prices which initially drifted from RM1,665 per MT in January to touch a low of RM1,360 per MT in August. Thereafter, prices rebounded sharply to touch a five-year high at RM1,950 per MT in October before easing slightly to close the year at RM1,800 per MT. This increase in prices was due to lower-than-expected yields from rival American soybean crop and the reduction in world edible oil stocks brought about by increasing demand.

The Division's land bank as at 31 December 2003 stood at 107,000 hectares, of which about 80,000 hectares are currently under oil palm cultivation. Out of this, 48% or 39,000 hectares are prime yielding mature areas. The rest are below 7 years and have yet to reach full maturity.




PERLADANGAN

PRODUCTION (MT)
PENGELUARAN (TM)



PLANTATION AREA (ha)
KAWASAN TANAMAN (ha)



Bahagian Perladangan mencatatkan satu lagi tahun cemerlang, menghasilkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM115 juta di atas perolehan sebanyak RM386 juta, pertambahan sebanyak 23% berbanding dengan keuntungan tahun lepas sebanyak RM93 juta.

Peningkatan yang dicapai pada tahun ini, adalah berpunca daripada gandingan baik harga minyak kelapa sawit yang memberangsangkan yang secara purata berada pada tahap RM1,504 setiap TM (2002: RM1,287), dan pelaksanaan Program Peningkatan Hasil (Yield Improvement Program - YIP) yang telah dilaksanakan semenjak dua tahun yang lalu. Pelaksanaan YIP melibatkan dua inisiatif utama terhadap merealisasikan potensi hasil yang lebih baik dan penggunaan teknik-tekni ketepatan pertanian di estet-estet. Langkah selanjutnya ke arah pelaksanaan penuh YIP adalah pengenalan AA Aegis sebagai alat membuat keputusan bantuan yang dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2004.

Satu lagi faktor yang mempunyai impak ketara ke atas pendapatan bahagian adalah kesan harga minyak kelapa sawit mentah yang tidak menentu yang berada pada paras RM1,665 setiap TM pada Januari, menurun hingga RM1,360 setiap TM pada bulan Ogos. Seterusnya, harga melambung naik ke tahap tertinggi dalam masa lima tahun iaitu RM1,950 setiap TM pada Oktober sebelum menurun sedikit kepada RM1,800 setiap TM pada akhir tahun. Kenaikan harga ini disebabkan hasil tanaman kacang soya Amerika yang lebih rendah, dan kekurangan stok minyak masak dunia akibat pertambahan permintaan.

Rizab tanah Bahagian ini pada 31 Disember 2003 adalah seluas 107,000 hektar, di mana 80,000 hektar kini ditanam dengan kelapa sawit. Daripada jumlah ini, 48% atau 39,000 hektar adalah kawasan penghasilan matang utama. Kawasan lain adalah di bawah 7 tahun dan belum mencapai tahap matang sepenuhnya.

PLANTATION



TOP An estate worker collecting loose palm fruits.
Seorang pekerja estet sedang memungut BTB.

LEFT Elevated view of an oil palm plantation.
Pemandangan sebuah ladang kelapa sawit.

RIGHT Estate workers' quarters.
Rumah-rumah pekerja estet.

Kuala Sidim Berhad (KSB) contributed a significant pre-tax profit of RM85 million on the back of a commendable average price for palm oil of RM1,504 per MT (2002: RM1,287) and kernel of RM713 per MT (2002: RM645). As at 31 December 2003, KSB owned 42 estates and 8 mills, which boast a combined milling capacity of 310 MT per hour (TPH). Our total land bank measures over 100,000 hectares, out of which 73,000 hectares have been planted with oil palm.

PRODUCTION

The average oil yield from estates which have reached prime maturity was commendable at 5.26 MT (2002: 5.03 MT) per hectare. Our Telok Sengat estate returned the best average of 5.65 MT for Peninsular Malaysia, while for Sabah, the best return was from Resort estate which averaged 6.22 MT.

Though our estates in Peninsular Malaysia continue to register attractive yields, dry weather in the state of Sabah resulted in reduced crop production in the first five months of the year. FFB production ended the year higher by 9% at 946,000 MT compared with 869,000 MT recorded in the previous year. Yield per hectare from mature estates improved to 23.1 MT per hectare (2002: 21.6 MT).

Production costs have been well controlled, averaging RM107 per MT (2002: RM108) of FFB produced. This is equivalent to RM521 per MT (2002: RM564) of crude palm oil. On a regional basis, the Peninsular Malaysia estates averaged RM583 per MT whilst for Sabah was lower at RM461 per MT.



Kuala Sidim Berhad (KSB) menyumbang keuntungan sebelum cukai ketara sebanyak RM85 juta berdasarkan harga purata minyak sawit yang baik sebanyak RM1,504 setiap TM (2002: RM1,287) dan isirung kelapa sawit RM713 setiap TM (2002: RM645). Pada 31 Disember 2003, KSB memiliki 42 estet dan 8 kilang, yang mempunyai kapasiti pengeluaran sepadu sebanyak 310 TM setiap jam (TMPJ). Jumlah tanah rizab adalah 100,000 hektar, yang mana 73,000 hektar telah ditanam dengan kelapa sawit.

PENGELUARAN

Purata hasil minyak daripada estet yang telah mencapai tahap kematangan penuh adalah baik pada 5.26 TM (2002: 5.03 TM) setiap hektar. Estet Telok Sengat memberi pulangan purata terbaik sebanyak 5.65 TM untuk Semenanjung Malaysia, manakala untuk Sabah, pulangan terbaik adalah daripada estet Resort di mana puratanya 6.22 TM.

Walaupun estet-estet di Semenanjung Malaysia berterusan mendaftarkan pulangan menarik, cuaca kering di negeri Sabah menyebabkan pengeluaran tanaman lebih rendah buat lima bulan pertama. Pengeluaran Buah Tandan Baru (BTB) pada akhir tahun adalah lebih tinggi sebanyak 9% pada 946,000 TM berbanding dengan 869,000 TM yang dicatat pada tahun lepas. Hasil setiap hektar daripada estet yang matang meningkat kepada 23.1 TM setiap hektar (2002: 21.6 TM).

Kos pengeluaran telah dikawal dengan baik, dengan purata RM107 setiap TM (2002: RM108) untuk pengeluaran BTB. Ini bersamaan dengan RM521 setiap TM (2002: RM564) minyak kelapa sawit mentah. Berdasarkan kawasan, estet-estet di Semenanjung memberi purata RM583 setiap TM manakala untuk Sabah adalah lebih rendah pada RM461 setiap TM.

RIGHT Kanowit Palm Oil Mill in Sarawak.
Kilang Kelapa Sawit Kanowit di Sarawak.



PLANTATION

Cost effective environment friendly replanting, using zero burning technique at Telok Sengat Estate

- 1 Felling and chipping entire palms.
- 2 Pulverised palm biomass.
- 3 Chipped palm biomass thinly spread.
- 4 Replanted field with well grown palms and cover crops.



MILLS

I am glad to inform you that the Boustead Group has premier position when it comes to oil palm mills. We have over the years provided consultancy on the construction of over 50 mills in our country and Indonesia for both our Group and clients.

A notable milestone during the year was the completion of the 60 TPH mill in Kanowit, Sarawak incorporating the best and latest in milling technology. Additionally, the Trong Palm Oil Mill, Nak Palm Oil Mill and the Bulking Installation in Butterworth received the ISO9001:2000 Quality Management System accreditation awards. Meanwhile the construction of our 45 TPH mill in Loagan Bunut, also in Sarawak is scheduled for completion in August 2004. In addition, we are providing consultancy for the construction of a cost effective 20 TPH modular compact mill in Indonesia.

The plantation division of *SCB Developments Berhad* (SCB) contributed RM29 million to the overall earnings for the Group compared with its previous year's contribution of RM20 million.

SCB's six estates in Kedah, Perak and Johor with a total planted area of 6,600 hectares, are planted mainly with oil palm, 63% of which are in prime production stages. Production during the year saw an uptrend due to desired rainfall that resulted in vigorous fruitsets. For the year under review we recorded a yield of 24.8 MT per hectare compared with last year's 20.7 MT. The average FFB selling price realised was RM283 per MT (2002: RM250).



Penanaman semula yang kos efektif dan mesra alam, menggunakan teknik pembakaran sifar di Estet Telok Sengat.

- 1 Penebangan dan pencantasan keseluruhan pokok kelapa sawit.
- 2 Penghancuran sisa biomas pokok kelapa sawit.
- 3 Biomas pokok kelapa sawit yang dicantas sedang diratakan.
- 4 Kawasan penanaman semula dengan pokok kelapa sawit yang membesar dengan baik dan tanaman sampingan.



KILANG

Saya amat sukacita memaklumkan bahawa Kumpulan Boustead maju ke hadapan dari segi kilang minyak kelapa sawit. Dalam beberapa tahun, kami telah menyediakan khidmat rundingcara untuk pembinaan lebih daripada 50 kilang dalam negeri dan di Indonesia untuk Kumpulan dan juga pelanggan luar.

Satu pencapaian penting untuk tahun ini adalah selesainya pembinaan kilang 60 TPH di Kanowit, Sarawak yang merangkumi teknologi pengilangan terbaik dan terkini. Selain itu, Kilang Minyak Kelapa Sawit Trong, Kilang Minyak Kelapa Sawit Nak dan Kemudahan Pengumpulan di Butterworth menerima anugerah akreditasi ISO9001:2000 Sistem Pengurusan Kualiti. Sementara itu pembinaan kilang TPH 45 di Loagan Bunut, juga di Sarawak dijadualkan siap pada bulan Ogos 2004. Kami juga menyediakan khidmat rundingcara untuk pembinaan Kilang kompak modular TPH 20 yang kos efektif di Indonesia.

Bahagian perladangan SCB Developments Berhad (SCB) menyumbang RM29 juta ke atas pendapatan keseluruhan Kumpulan berbanding dengan sumbangan tahun lepas sebanyak RM20 juta.

Enam estet SCB di Kedah, Perak dan Johor dengan jumlah kawasan tanaman sebanyak 6,600 hektar, sebahagian besarnya adalah ditanam dengan kelapa sawit, 63% daripadanya dalam peringkat pengeluaran prima. Pengeluaran pada tahun lepas menyaksikan peningkatan hasil ekoran jumlah air hujan yang mencukupi untuk menghasilkan buah yang banyak. Untuk tahun yang dikaji kami mencatatkan hasil sebanyak 24.8 TM setiap hektar berbanding dengan 20.7 TM pada tahun lepas. Purata harga jualan BTB direalisasikan adalah RM283 setiap TM (2002: RM250).

PLANTATION

Boustead Estates Agency Sdn Bhd underwent an internal restructuring which saw the transfer of general agency and engineering services for third parties to Boustead Advisory and Consultancy Services Sdn Bhd. The Agency continues to achieve positive results from commissions received from palm products sales, while the engineering services also contributed to earnings from the consultancy of the Kanowit and Loagan Bunut palm oil mills.

Boustead Advisory and Consultancy Services Sdn Bhd (formerly known as Boustead Estate Agency (Sabah) Sdn Bhd) enjoyed satisfactory returns for the year under review. This was primarily achieved due to the completion of consultancy and upgrading work for Tai Tak Oil Mill. On going consultancy for the company includes the 45 TPH mill for Meridian Plantation in Sugut, Sabah and a 60 TPH mill for Persatuan Peladang Negeri Johor in Kluang.

Boustead-Anwarsyukur Estates Agency Sdn Bhd, which is a joint-venture with our Indonesian counterparts, continues to generate income from the management of estates in Indonesia.

Applied Agricultural Research Sdn Bhd is clearly at the forefront of breakthrough technologies especially with the utilisation of satellites for the plantation sector in Malaysia. This unit's advisory services and research and development initiatives have borne significant fruit with the development of the latest in plantation related IT systems. Under the banner of the Planting Material Improvement Programme, work is currently underway for the construction of a tissue culture lab, which seeks to commercialise the production of clonal seedlings.

Boustead Bulking Sdn Bhd and *Oil Bulking (Kedah) Sdn Bhd*, which contributed positively to the Group's operating profit for the year under review, offered bulking facilities in Port Klang and Butterworth.

RIGHT Efficient utilisation of EFB fertiliser at Telok Sengat Estate.
Penggunaan baja yang berkesan di Estet Telok Sengat.



Boustead Estates Agency Sdn Bhd telah mengadakan penstrukturan dalaman di mana perkhidmatan agensi dan kejuruteraan am untuk pihak ketiga dipindahkan kepada *Boustead Advisory and Consultancy Services Sdn Bhd*. Agensi masih lagi mencapai keputusan positif melalui komisen yang diterima daripada jualan produk kelapa sawit, sementara perkhidmatan kejuruteraan juga menyumbang kepada pulangan, hasil daripada perkhidmatan rundingcara untuk kilang minyak kelapa sawit Kanowit dan Loagan Bunut.

Boustead Advisory and Consultancy Services Sdn Bhd (dulu dikenali sebagai *Boustead Estate Agency (Sabah) Sdn Bhd*) mendapat pulangan yang memuaskan bagi tahun yang dikaji. Ini dicapai melalui kerja-kerja rundingcara dan peningkatan yang disediakan untuk Kilang Minyak Tai Tak. Perkhidmatan rundingcara yang sedang dikendalikan oleh syarikat termasuk kilang TPH 45 untuk Meridian Plantation di Sugut, Sabah dan sebuah kilang TPH 60 untuk Persatuan Peladang Negeri Johor di Kluang.

Boustead-Anwarsyukur Estates Agency Sdn Bhd, sebuah syarikat kerjasama dengan rakan niaga Indonesia kami, terus menghasilkan pendapatan daripada pengurusan estet di Indonesia.

Applied Agricultural Research Sdn Bhd berada jauh di hadapan dari segi penggunaan teknologi terkini, terutamanya melalui penggunaan satelit untuk sektor perladangan di Malaysia. Perkhidmatan nasihat unit ini dan inisiatif kajian dan pembangunannya telah membuahkan hasil ketara dalam pembangunan sistem teknologi maklumat berkaitan perladangan. Melalui Program Peningkatan Bahan Penanaman, kerja-kerja sedang dijalankan untuk membina sebuah makmal kultur tisu bertujuan untuk pengeluaran klon benih secara komersil.


Boustead Bulking Sdn Bhd dan *Oil Bulking (Kedah) Sdn Bhd*, yang menyumbang secara positif kepada keuntungan operasi Kumpulan untuk tahun yang dikaji, menawarkan fasiliti pengumpulan di Pelabuhan Klang dan Butterworth.





PROPERTY

KEY FACTS FAKTA PENTING



The Group's Property Division recorded an impressive gain in pre-tax profit of RM94 million, reflecting an increase of 34%, compared with the previous financial year's pre-tax profit of RM70 million. This outstanding performance was due primarily to the success of our core property brand, Mutiara Homes in our Mutiara Damansara (Klang Valley) and Mutiara Rini (Johor).

Mutiara's brand reception and popular support were clearly evidenced by the evolution of Mutiara Damansara into one of the Klang Valley's leading contemporary lifestyle and shopping 'hot-spots'. Today, this development houses successful world-class entities such as IKEA Home Furnishing Store, the largest of its kind in Asia Pacific; Tesco Hypermart and Ikano Power Centre.

In taking more proactive steps to boost infrastructure facilities and to facilitate the robust growth of Mutiara


Damansara, the infrastructure to provide smooth traffic flow and ease of logistic transport for retailers continues to be enhanced as evidenced by the opening of the Surian Tunnel in December 2003. This will be complemented by the formalising of a planned direct connection to the Interchange which will link the SPRINT Highway to Mutiara Damansara, invariably boosting the locale's commercial viability and attractiveness.

'the Curve', our upcoming lifestyle mall that will set new standards as Malaysia's premier lifestyle pedestrian mall, is targeted to open by the end of 2004. I am pleased to inform that more than 60% of the retail space in 'the Curve' has been taken up by retailers including international and local fashion retailers, operators of successful alfresco cafes and fine dining restaurants.

For this financial year, the Group awarded a RM194 million contract to WCT Construction Sdn Bhd, a wholly owned subsidiary of WCT Engineering Berhad, to construct 'the Curve' superstructure, which commenced in June 2003.

On the same note, a contract amounting to RM33.3 million was also awarded to *Mutiara Rini Linear DCP Sdn Bhd*, a 60% owned subsidiary of the Group to design, construct, test, commission and complete a district cooling plant at 'the Curve'. The district cooling plant will produce and sell chilled water for air-conditioning purposes to the mall and the neighbouring Cineleisure Damansara entertainment complex.

Despite the prevailing oversupply of houses in the state of Johor, for the period under review our Mutiara Rini development saw a turnaround in terms of increased demand by Bumiputra purchasers for the medium cost units. To date, this development is currently about 33% developed with more than 3,000 residential units to its credit.



HARTANAH

Bahagian Hartanah Kumpulan mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan untuk keuntungan sebelum cukai sebanyak RM94 juta, peningkatan sebanyak 34%, berbanding dengan keuntungan sebelum cukai untuk tahun kewangan yang lepas sebanyak RM70 juta. Prestasi cemerlang ini berpunca daripada kejayaan jenama hartanah utama kami, Mutiara Homes di Mutiara Damansara (Lembah Kelang) dan Mutiara Rini (Johor).

Penerimaan jenama Mutiara dan sambutan yang menggalakkan terbukti daripada evolusi Mutiara Damansara menjadi salah satu pusat 'hot-spot' untuk kehidupan kontemporari dan membeli-belah di Lembah Klang. Hari ini, kawasan ini menjadi tarikan kepada entiti-entiti bertaraf dunia seperti IKEA Home Furnishing Store, yang merupakan yang terbesar di rantau Asia Pasifik; Tesco Hypermart dan Ikano Power Centre.

Kami juga mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan prasarana dan membolehkan pertumbuhan yang lebih giat di Mutiara Damansara, di mana Terowong Surian telah dibuka pada bulan Disember 2003 untuk membolehkan perjalanan trafik yang lebih lancar dan memudahkan pengangkutan logistik untuk peruncit kami. Kami juga telah berjaya mendapatkan persetujuan pihak-pihak berkenaan untuk menyambungkan Mutiara Damansara dengan Persimpangan Bertingkat Lebuhraya SPRINT, dengan itu meningkatkan lagi daya maju dan tarikan komersil kawasan ini.

'the Curve', pusat membeli-belah kami yang sedang dibina dan akan memperkenalkan standard baru sebagai pusat membeli-belah terbuka Malaysia yang premier, dijangka dibuka sebelum akhir 2004. Saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa lebih daripada 60% ruang niaga di 'the Curve' telah ditempah oleh para peruncit termasuk kedai fesyen antarabangsa dan tempatan, pengendali kafe alfresco yang berjaya dan restoran bermutu tinggi.

Untuk tahun kewangan ini, Kumpulan telah menganugerahkan kontrak bernilai RM194 juta kepada WCT Construction Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh WCT Engineering Berhad, untuk membina struktur super 'the Curve', bermula dari Jun 2003.

Pada masa sama, satu kontrak bernilai RM33.3 juta telah diberikan kepada *Mutiara Rini Linear DCP Sdn Bhd*, sebuah anak syarikat yang dimiliki 60% oleh Kumpulan untuk mereka, membina, menguji, dan menyiapkan loji penyejukan kawasan di 'the Curve'. Loji penyejukan kawasan ini akan menghasilkan dan menjual air penyejukan untuk sistem hawa dingin pusat membeli-belah dan kompleks hiburan Cineleisure Damansara yang berdekatan.

Meskipun terdapat lebih bekalan rumah di negeri Johor, untuk tempoh yang dikaji, pembangunan Mutiara Rini menyaksikan pertambahan pembeli-pembeli Bumiputera untuk unit kos sederhana. Setakat ini, lebih kurang 33% daripada kawasan pembangunan di Mutiara Rini telah dibangunkan dan sebanyak 3,000 unit kediaman telah berjaya disiapkan.

Cineleisure Damansara sebuah projek usaha sama, akan menjadi salah satu pusat hiburan paling dinamik di Lembah Klang. Pusat ini akan mempunyai 10 panggung wayang, 24 lorong boling, arked video dan lain-lain kegiatan berkaitan dengan industri hiburan. Pembinaan telah bermula pada tahun 2003 dan dijangka siap untuk beroperasi pada permulaan tahun 2005.

Sementara itu, syarikat usaha sama kami, *Pavilion Entertainment Centre Sdn Bhd* kini terlibat di dalam pembangunan semula bekas tapak pawagam Cathay-Pavilion seluas 2.8 ekar di Jalan Bukit Bintang untuk menjadikannya sebuah pusat hiburan beserta apartmen servis.

PROPERTY

Cineleisure Damansara, a joint venture project, is set to be one of the Klang Valley's most dynamic entertainment centres, boasting 10 cineplexes, 24 lanes of bowling alleys, a video arcade, nightspots and other entertainment-related outlets. It began construction in 2003 and is well on course for its scheduled opening in early 2005.

Meanwhile, our joint-venture company, *Pavilion Entertainment Centre Sdn Bhd* is currently involved in the redevelopment of the former 2.8 acre Cathay-Pavilion cinema site in Jalan Bukit Bintang into an entertainment centre with serviced apartments.

On another front, *Weld Court Realty Sdn Bhd* increased its property portfolio during the year with the acquisition of a warehouse in Shah Alam and two residential property lots in Kuala Lumpur. These properties were previously managed by the company on behalf of Boustead Holdings Berhad. Also, the Group's three office buildings, Menara Boustead, Menara Affin and Wisma Boustead, continue to achieve occupancies in excess of 85%, thanks to our firm commitment to ensure that our tenants enjoy a well maintained and pleasant office environment.

In February 2003, the Group successfully completed its acquisition of the *Novotel Century Hotel Kuala Lumpur*. The hotel, situated at the heart of the vibrant shopping and commercial district of Bukit Bintang, has now been rebranded as the "Royale Bintang" under the Group's own management team. The 418-room four-star hotel achieved an average occupancy of 73% with an encouraging average room rate for the year.

Work on the University of Nottingham campus in Semenyih commenced during the year under review with *Boustead Development Sdn Bhd* appointed as its project manager. This is the company's first foray in the development of a university campus which is expected to take two years to complete.

Up north in Bukit Mertajam, *Jernih Rezeki Sdn Bhd*, a brand name that is synonymous with high quality workmanship, saw improved sales with the completion and handing over of 96 terrace houses and 12 semi-detached houses during the year under review.



TOP Artist impression of the internal view of Rotunda at 'the Curve'.
Lakaran pelukis untuk pandangan dalaman Rotunda 'the Curve'.

LEFT Artist impression of the main promenade at 'the Curve'.
Lakaran pelukis untuk persiaran utama di jambatan penghubung tengah 'the Curve'.



HARTANAH

LEFT A model of 'the Curve'.
Model 'the Curve'.

LEFT BELOW A bungalow unit at Mutiara Damansara.
Sebuah rumah banglo di Mutiara Damansara.

BELOW Helping to ease traffic, thanks to the Surian Tunnel.
Pembukaan Terowong Surian telah memudahkan lalulintas ke Mutiara Damansara.



Pada masa yang sama, *Weld Court Realty Sdn Bhd* telah menambahkan portfolio hartanahnya pada tahun ini dengan pembelian sebuah gudang di Shah Alam dan dua lot kawasan kediaman di Kuala Lumpur. Sebelum ini, hartanah ini diuruskan oleh syarikat ini bagi pihak Boustead Holdings Berhad. Ketiga-tiga bangunan milik Kumpulan iaitu Menara Boustead, Menara Affin dan Wisma Boustead, berjaya mencapai tahap penghunian melebihi 85%, hasil daripada komitmen tegas kita untuk memastikan penghuni-penghuni mempunyai susana pejabat yang dijaga rapi dan memuaskan.

Pada Februari 2003, Kumpulan telah membeli *Novotel Century Hotel Kuala Lumpur*. Hotel ini yang terletak di tengah-tengah kawasan pusat membeli-belah dan komersil Bukit Bintang telah ditukar namanya kepada "Royale Bintang" dan kini diuruskan oleh kumpulan pengurusan

Kumpulan. Hotel empat bintang dengan 418 bilik ini telah mencapai purata penghunian yang memberangsangkan sebanyak 73% dengan kadar purata bilik yang menggalakkan untuk tahun ini.

Kerja-kerja pembinaan kampus *University of Nottingham* di Semenyih bermula dalam tahun yang dikaji yang mana *Boustead Development Sdn Bhd* telah dilantik sebagai pengurus projek. Ini adalah kali pertama syarikat melibatkan diri dalam pembangunan sebuah kampus universiti yang dijangka mengambil dua tahun untuk disiapkan.


Sementara itu, di bahagian utara Bukit Mertajam, *Jernih Rezeki Sdn Bhd*, pemaju perumahan yang terkenal dengan kerja bermutu tinggi telah menyaksikan jualan yang lebih baik dengan penyiapan dan penyerahan 96 rumah teres dan 12 rumah berkembar di dalam tahun yang dikaji.



FINANCE&INVESTMENT

KEY FACTS

FAKTA PENTING



■ 2003 ■ 2002




The Finance and Investment Division ended the year under review with a deficit of RM16.4 million after reversing dividend income from subsidiaries and associates totalling RM84 million. The deficit was higher compared to the loss of RM8.3 million recorded in the previous financial year. This was primarily due to an increase in borrowing costs incurred by the parent company and the non-consolidation of PSC Industries Bhd.

For the year under review, the investment holding company incurred a higher loss of RM65.5 million, representing a 9% increase in deficit over last year, due to an increase in interest cost that corresponds with the rise in borrowings to take Kuala Sidim Berhad private. The company's borrowings, which peaked at RM880 million was eventually

reduced to RM657 million at the end of the financial year (2002: RM607 million) as a result of the Group's rights issue. After accounting for dividend income from subsidiaries and associates, *Boustead Holdings Berhad* posted a pre-tax profit of RM39.16 million (2002: Loss of RM18.07 million) at the entity level.

The year under review proved to be a difficult one for *Boustead Credit Sdn Bhd* as the company slipped into the red, caused by a 50% decline in new business, coupled with a significant increase in loan provision. Compounded by stiff competition for the shrinking used car financing sector, these developments did much to adversely affect the performance of the company.



KEWANGAN & PELABURAN



LEFT Boustead inking RM300 million syndicated loan facility lead by The Bank of Nova Scotia Berhad. Boustead menandatangani urus niaga bagi kemudahan pinjaman sebanyak RM300 juta, yang diuruskan oleh The Bank of Nova Scotia Berhad

Bahagian Kewangan dan Pelaburan mengakhiri tahun yang dikaji dengan kerugian sebelum cukai sebanyak RM16.4 juta sebelum mengambil kira pendapatan dividen daripada anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat sekutu berjumlah RM84 juta. Defisit ini adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan kerugian sebanyak RM8.3 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan sebelumnya kerana peningkatan kos pinjaman yang dialami syarikat induk dan tanpa penggabungan PSC Industries Bhd.

Untuk tahun yang dikaji, syarikat pelaburan induk mengalami kerugian lebih tinggi sebanyak RM65.5 juta, pertambahan defisit 9% berbanding tahun lepas disebabkan peningkatan kos faedah berikutan peningkatan pinjaman untuk membeli Kuala Sidim Berhad. Pinjaman syarikat, pada puncaknya sebanyak RM880 juta telah kemudiannya

dikurangkan kepada RM657 juta pada akhir tahun kewangan (2002: RM607 juta) berikutan terbitan hak Kumpulan. Selepas mengambil kira pendapatan dividen daripada anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat sekutu, *Boustead Holdings Berhad* mencatat keuntungan sebelum cukai RM39.16 juta (2002: Kerugian RM18.07 juta) di peringkat entiti.

Tahun yang dikaji merupakan satu tempoh yang mencabar buat *Boustead Credit Sdn Bhd* kerana syarikat telah rugi akibat daripada penurunan sebanyak 50% dalam perniagaan barunya, ditambah pula oleh peningkatan ketara dalam peruntukan pinjaman. Ini dan juga persaingan sengit di dalam sektor pembiayaan pembelian kereta terpakai, telah memberi keputusan negatif terhadap prestasi syarikat.

FINANCE & INVESTMENT



Affin Holdings Berhad continued to face trying market conditions and as a result, registered a lower consolidated pre-tax profit of RM142 million compared to the previous year's profit of RM170 million. By business units, *Affin Bank Berhad*'s profit declined to RM15 million for the year compared to a pre-tax profit of RM29 million for the last financial year.

The Bank's loan loss provision for the year came to RM261 million, reflecting a 8% increase from last year. The risk weighted capital ratio improved further from 9.3% recorded for the previous year to 12.3%, while non-performing loans remained at 24.6%.

In 2003, *Affin-ACF Holdings Berhad* posted a 7% improvement in pre-tax profit to RM130 million mainly due to lower funding cost and a decrease in loan loss provision. Risk weighted capital ratio stood at 16.0% for year ended 31 December 2003, compared with the previous financial year's 15.9%. *Affin Merchant Bank Berhad* raked in a pre-tax profit of RM12 million for the year ended 31 December 2003 compared to a pre-tax profit of RM34 million recorded in the previous financial year. Net income declined by 40% to RM40 million due to higher provisions.

Affin Discount Berhad enjoyed a higher trading income in 2003 due to improved interest in the capital market, but the discount house closed the year with a 45% decline in profit to RM10 million due to a higher charge in respect of the diminution in value of investments. *Affin-UOB Securities Sdn Bhd* managed to trim its operating loss significantly during the year under review to RM4 million as brokerage income improved in tandem with the rising trading volume on the local bourse. *Affin Fund Management Sdn Bhd* completed the year with a lower profit due to decline in the sales of unit trust and management fee income while *Affin Moneybrokers Sdn Bhd* enjoyed a higher brokerage income to post a 16% increase in profit. *AXA Affin Assurance Berhad* enjoyed better net underwriting results, almost doubling its pre-tax profit for the year under review to RM44.8 million.

Royal & Sun Alliance Insurance (M) Berhad recorded a pre-tax gain of RM44 million. Gross premium dipped slightly by 3% to RM208 million in 2003, mainly due to the loss of several international accounts. In the same instance, underwriting results remained strong, as combined operating ratios were capped at a favourable level of 84%. Investment performance recorded a modest 2% growth with a contribution of RM22.7 million.

LEFT Affin Bank's Annual General Meeting.
Mesyuarat Agong Tahunan Affin Bank.

Affin Holdings Berhad masih lagi menghadapi situasi pasaran yang mencabar dan akibatnya telah mencatatkan keuntungan disatukan sebelum cukai yang lebih rendah sebanyak RM142 juta berbanding dengan keuntungan tahun sebelumnya sebanyak RM170 juta. Mengikut pecahan unit-unit perniagaan, *Affin Bank Berhad* telah mencatat keuntungan sebelum cukai yang lebih rendah sebanyak RM15 juta untuk tahun ini berbanding dengan keuntungan sebelum cukai RM29 juta untuk tahun kewangan sebelumnya. Peruntukan kerugian pinjaman untuk tahun ini adalah RM261 juta, mencerminkan peningkatan sebanyak 8% daripada tempoh yang sama untuk tahun lepas. Kadar modal berwajaran risiko telah meningkat daripada 9.3% dicatatkan untuk tahun kewangan sebelum ini ke 12.3%, sementara NPL kekal pada 24.6%.

Untuk 2003, *Affin-ACF Holdings Berhad* mencatatkan peningkatan 7% dalam keuntungan sebelum cukai sebanyak RM130 juta hasil daripada kos pembiayaan lebih rendah dan penurunan peruntukan kerugian pinjaman. Kadar Modal Berwajaran Risiko adalah 16.0% untuk tahun berakhir 31 Disember 2003, berbanding dengan 15.9% untuk tahun kewangan sebelum ini. *Affin Merchant Bank Berhad* telah memperolehi keuntungan sebelum cukai sebanyak RM12 juta untuk tahun berakhir 31 Disember 2003 berbanding dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM34 juta yang dicatatkan untuk tahun kewangan yang lepas. Pendapatan bersih berkurang sebanyak 40% kepada RM40 juta disebabkan peruntukan yang lebih tinggi.


Affin Discount Berhad memperolehi pendapatan perniagaan lebih tinggi pada 2003 berikutan minat yang lebih tinggi terhadap pasaran modal, tetapi diskaun house ini mengakhiri tahun dengan penurunan keuntungan sebanyak 45% berikutan caj lebih tinggi kerana pengurangan nilai pelaburan. *Affin-UOB Securities Sdn Bhd* telah mengurangkan kerugian operasinya dengan ketara untuk tahun yang dikaji sebanyak RM4 juta kerana pendapatan broker meningkat selaras dengan jumlah dagangan lebih tinggi di pasaran saham tempatan. *Affin Fund Management Sdn Bhd* mengakhiri tahunnya dengan keuntungan lebih rendah kerana penurunan jualan unit amanah dan pendapatan upah pengurusan sementara *Affin Moneybrokers Sdn Bhd* memperolehi pendapatan broker lebih tinggi untuk menghasilkan peningkatan keuntungan sebanyak 16%. *AXA Affin Assurance Berhad* mendapat keputusan penanggungan bersih lebih baik, hampir dua kali ganda untuk keuntungan sebelum cukai untuk tahun yang dikaji sebanyak RM44.8 juta.

Royal & Sun Alliance Insurance (M) Berhad memperolehi keuntungan sebelum cukai sebanyak RM44 juta. Premium kasar menurun sebanyak 3% ke RM208 juta pada 2003, akibat daripada kehilangan beberapa akaun antarabangsa. Walau bagaimanapun, keputusan penanggungan kekal kukuh kerana kadar operasi disatukan telah dihadkan pada tahap memuaskan sebanyak 84%. Prestasi pelaburan mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 2% dengan sumbangan sebanyak RM22.7 juta.

MANUFACTURING & TRADING

KEY FACTS

FAKTA PENTING



The Division continues to complement earnings growth for the Group as a direct result of key initiatives during the year under review. The division's three main sectors, namely building materials, consumer brands and trading performed remarkably well to record an unprecedented increase of over 750% by achieving a pre-tax profit of RM20.7 million.


BUILDING MATERIALS

Boustead Sissons Paints Sdn Bhd is confident that production capacity limitations will be effectively addressed upon completion of the new factory in Nilai in the later part of 2004. Construction of the factory which commenced in the year under review is expected to come on stream by early 2005. In anticipation of improved business volume, this business unit has embarked on a concerted brand awareness and brand building campaign, which will focus on its brand equity by targeting specific market segments.



While the operations in China have yet to move into the black, we are encouraged by the repeat orders from customers, which is clear testament to the product's acceptance.

UAC Berhad registered another commendable performance, achieving a pre-tax profit of RM44.6 million for the year ended 31 December 2003 compared to a pre-tax profit of RM44.4 million recorded in the previous year. The problem of construction labour shortages in the later part of 2002 eased in 2003. This resulted in some pick-up in the construction activity as evidenced by quarterly growth in the first three quarters in 2003. However, the industry was plagued by poor payment practices and the roll on effect of this was a slowdown in the supply of goods and services to contractors and sub-contractors. Fibre cement boards continued to be the largest contributor to profit and more than compensated for the shortfalls from lower margin products. The company also completed the purchase of a corporate lot in the dynamic Mutiara Damansara commercial and property hub, which will in future be developed to house the company's corporate, marketing and sales operations.



PEMBUATAN&PERDAGANGAN



FAR LEFT, LEFT A range of UAC products.
Rangkaian produk UAC.

Bahagian ini terus menyumbangkan kepada pertumbuhan perolehan Kumpulan berikutan hasil inisiatif-inisiatif utama untuk tahun yang dikaji. Prestasi tiga sektor utama bahagian, iaitu bahan binaan, jenama pengguna dan perdagangan adalah baik dengan mencatatkan peningkatan julung kali melebihi 750% dengan memperolehi keuntungan sebelum cukai sebanyak RM20.7 juta.

BAHAN BINAAN

Boustead Sissons Paints Sdn Bhd yakin had kapasiti pengeluaran akan dapat diatasi dengan siapnya kilang baru di Nilai pada lewat 2004. Pembinaan kilang yang bermula dalam tahun yang dikaji dijangka beroperasi sepenuhnya pada awal 2005. Dalam menjangka jumlah jualan yang akan meningkat, unit perniagaan ini telah memulakan kempen kesedaran dan membina jenama, memberi fokus kepada ekuiti jenama dengan mensasarkan segmen-segmen pasaran yang tertentu.

Walaupun operasi di China belum sampai ke tahap yang menguntungkan, pembelian ulangan oleh pelanggan amat menggalakkan dan merupakan bukti kukuh akan penerimaan produk.

UAC Berhad mencatatkan satu lagi prestasi menggalakkan, memperolehi keuntungan sebelum cukai sebanyak RM44.6 juta untuk tahun berakhir 31 Disember 2003 berbanding dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM44.4 juta yang dicatatkan untuk tahun sebelumnya. Masalah kekurangan tenaga kerja pembinaan yang dialami pada lewat 2002 berkurangan pada 2003. Hasilnya peningkatan aktiviti pembinaan ini telah menyaksikan pertumbuhan dalam tiga suku pertama tahun 2003. Namun begitu, industri masih lagi dicemari oleh amalan pembayaran yang tidak memuaskan dan akibatnya bekalan barangan dan perkhidmatan kepada kontraktor dan sub-kontraktor diperlahankan. Papan simen gentian masih merupakan penyumbang terbanyak kepada keuntungan dan ianya lebih daripada mencukupi untuk mengatasi kekurangan yang dialami oleh produk yang mempunyai margin rendah. Syarikat juga telah membeli sebuah lot korporat di pusat komersil dan hartanah Mutiara Damansara, yang akan dibangunkan untuk menempatkan operasi korporat, pemasaran dan jualan syarikat untuk masa hadapan.

MANUFACTURING & TRADING

CONSUMER BRANDS

Kao Malaysia Sdn Bhd operates in a very complex and competitive consumer market. However with proactive branding and distribution initiatives, the company was able to successfully maintain market share within its categories and key market segments. Sanitary and facial categories experienced encouraging growth during the year as a result of marketing and brand-building efforts invested in these products in earlier years.

Cadbury Confectionery Malaysia Sdn Bhd, brand owner and manager of Cadbury retains its lead position in this category despite a fiercely competitive confectionery market in the face of price pressures in sugar lines and softening demand for the first half of the year. The company will continue to build on Cadbury's brand equity with successful brand loyalty, marketing communications and production initiatives with the intent of maintaining if not growing its market share.

TRADING

Boustead Trading (1985) Sdn Bhd recorded an encouraging performance during the year under review supported by the completion of its reorganisation exercise in June. The company has shifted focus to become a major warehousing and distribution service provider in West Malaysia while maintaining the full distributorship operation in East Malaysia.

Boustead Global Trade Network Sdn Bhd registered another profitable year as it continued to focus its operations as a stockist for key brand owners. Meanwhile, *Boustead Sales*

and Services Sdn Bhd also recorded another fruitful year despite competitive pressures within the business environment. On the same positive note, *Boustead Engineering Sdn Bhd* turned in yet another set of encouraging results for the year under review as its Mechanical Industrial Supplies department continued a strong showing in the oil palm sector. The Chemicals department also saw improved earnings with an increase in sales and profit during the year as it continues its evolution towards focusing on the food industry.

Emastulin Automobile Sdn Bhd registered a satisfactory performance during the year under review spearheaded by the sale of 145 units of BMC vehicles valued at RM35 million, while *Boustead Johan Edaran Sdn Bhd* benefited substantially from the successful implementation of wide ranging strategies to streamline its business operations.

Riche Monde Sdn Bhd's brands maintained their market position in the domestic market. The growing trend of higher disposable income has helped the company make successful inroads in its market segments. In the meantime, *Drew Ameroid (M) Sdn Bhd*, which caters primarily to the electronics and services industries, experienced a challenging year and this was due to heavy price discounting on chemical purchases.

Finally, *Wah Seong-Boustead Co Ltd's* operations in Myanmar registered significant improvements compared to the previous financial year and this improvement was a result of a successful venture in managing a pharmaceutical trading operation with an extensive distribution network in Myanmar.

RIGHT Minister of Housing & Local Government receiving BMC compactor trucks on behalf of Majlis Daerah Pontian, Johor.
Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan menerima truk kompak BMC bagi pihak Majlis Daerah Pontian, Johor.



JENAMA PENGGUNA

Kao Malaysia Sdn Bhd beroperasi di dalam pasaran pengguna yang kompleks dan berdaya saing. Namun begitu, dengan inisiatif-inisiatif penjenamaan dan pengedaran yang proaktif, syarikat berjaya mengekalkan pegangan pasaran dalam kategorinya dan segmen-segmen pasaran utama. Kategori barangan kebersihan dan penjagaan muka menyaksikan pertumbuhan yang menggalakkan untuk tahun ini hasil daripada pelaburan dalam usaha-usaha pemasaran dan pembinaan jenama untuk produk-produk ini pada tahun-tahun permulaannya.

Cadbury Confectionery Malaysia Sdn Bhd, pemilik jenama dan pengurus Cadbury mengekalkan kedudukan pertama di dalam kategori ini walaupun pasaran konfeksionari semakin berdaya saing akibat daripada tekanan harga gula dan permintaan yang kurang untuk separuh pertama tahun ini. Syarikat akan terus membina ekuiti jenama Cadbury dengan kejayaan inisiatif-inisiatif kesetiaan jenama, komunikasi pemasaran dan pengeluaran bertujuan untuk mengekalkan serta menambah pegangan pasaran.

PERDAGANGAN

Boustead Trading (1985) Sdn Bhd mencatatkan prestasi menggalakkan untuk tahun yang dikaji disokong pula dengan selesainya usaha penyusunan semula organisasi pada bulan Jun. Syarikat telah mengalihkan fokusnya untuk menjadi pembekal perkhidmatan penggudangan dan pengedaran utama di Malaysia Barat sambil mengekalkan operasi pengedaran sepenuhnya di Malaysia Timur.

Boustead Global Trade Network Sdn Bhd mencatatkan satu lagi keuntungan tahunan dengan meneruskan fokus operasinya sebagai stokis untuk pemilik-pemilik jenama utama. Sementara itu, *Boustead Sales and Services Sdn Bhd* juga mendaftarkan satu lagi tahun berhasil walaupun menghadapi tekanan persaingan di dalam kategori perniagaannya. *Boustead Engineering Sdn Bhd* juga menghasilkan satu lagi keputusan menggalakkan untuk tahun yang dikaji di mana jabatan Bekalan Mekanikal Industri meneruskan prestasi baik dalam sektor minyak kelapa sawit. Jabatan kimianya juga menampakkan pulangan lebih baik dalam jualan dan keuntungan tahunan sambil meneruskan evolusinya dengan memberi fokus kepada industri makanan.

RIGHT
Merchandising
Cadbury
products.
Barangan
Cadbury yang
dipamerkan.



Untuk tahun yang dikaji, *Emastulin Automobile Sdn Bhd* merekodkan prestasi memuaskan yang diterajui penjualan 145 unit kenderaan BMC bernilai RM35 juta, sementara *Boustead Johan Edaran Sdn Bhd* memanfaatkan kejayaan melaksanakan pelbagai strategi untuk menyelaraskan operasi perniagaannya dengan sepenuhnya.


Jenama-jenama *Riche Monde Sdn Bhd's* mengekalkan kedudukannya di dalam pasaran domestik. Arah aliran pertumbuhan pendapatan untuk perbelanjaan lebih tinggi telah membantu syarikat membuat nama di dalam segmen pasarannya. Pada masa yang sama, *Drew Ameroid (M) Sdn Bhd* yang terlibat di dalam industri elektronik dan perkhidmatan melalui tahun yang mencabar akibat daripada diskaun besar yang diberikan untuk pembelian bahan kimia.

Akhir sekali, operasi *Wah Seong-Boustead Co Ltd* di Myanmar mencatatkan peningkatan ketara berbanding dengan tahun kewangan sebelumnya dan peningkatan ini hasil daripada kejayaan satu usaha menguruskan operasi perdagangan barangan farmasi dengan rangkaian pengedaran meluas di Myanmar.



SERVICE INDUSTRY

KEY FACTS FAKTA PENTING



The Service Industry Division recorded a pre-tax loss of RM5.4 million for the year under review. The division, which is further segmented into four core business categories, namely transportation, leisure, technology and education, continues to provide the Group with positive prospects.

TRANSPORTATION


Boustead Shipping Agency Sdn Bhd recorded improved revenue for the year under review as compared to the previous year as a result of better trading conditions during the second half of 2003. This business unit bagged a new Principal, Hamburg Sud, which provides a liner container service to Latin America and South Africa. In addition, its

Air Freight Division remains profitable despite keen competition. Meanwhile, *Cargo Freight Shipping Sdn Bhd* suffered a loss due to lack of business activities by some of its Principals and *Bestari Marine Sdn Bhd* saw reduced earnings owing to lower returns from its services.

P&O Nedlloyd M.A. Sdn Bhd, however, saw a better performance compared to 2002 with the recovery in freight rates arising from the positive transformation in the supply and demand balances in the shipping industry. With world trade expected to grow, complimented with increased outsourcing of manufacturing to East Asia, especially China, outlook for this area of business is positive.

LEISURE

Multiple global events from the outbreak of SARS to the terrorist attacks during the first half of 2003 did much to negatively impact the tourism and hospitality industry in Malaysia and the region. This development had a severe impact on *Boustead Travel Services Sdn Bhd*. Nevertheless, the resilience of this business was evidenced with improved earnings as the financial year drew to a close. One of its key efforts was to expand its portfolio of leisure products which resulted in the appointment of the company as the wholesaler of New Zealand Great Breaks, which offers more than 20 exciting packages to New Zealand. Meanwhile, *Emasewa Sdn Bhd*, the franchise holder of the National Car Rental, suffered a minimal loss during the period under review in the face of operating in a very cluttered car rental industry which is plagued by excess capacity and heavy price discounts.



INDUSTRI PERKHIDMATAN

Bahagian Industri Perkhidmatan mencatatkan kerugian sebelum cukai RM5.4 juta untuk tahun yang dikaji. Bahagian ini, yang dibahagikan kepada empat kategori perniagaan utama, iaitu pengangkutan, riadah, teknologi dan pendidikan, terus memberi prospek yang positif kepada Kumpulan.

PENGANGKUTAN

Boustead Shipping Agency Sdn Bhd mencatatkan peningkatan di dalam perolehan untuk tahun yang dikaji berbanding dengan tahun sebelumnya hasil daripada suasana perdagangan lebih baik untuk separuh kedua 2003. Unit

perniagaan ini telah mendapat Prinsipal baru, Hamburg Sud, yang menyediakan perkhidmatan kapal kontena ke Amerika Latin dan Afrika Selatan. Bahagian Pengangkutan Udaranya juga mencatat keuntungan walaupun terdapat persaingan sengit. Sementara itu, *Cargo Freight Shipping Sdn Bhd* mengalami kerugian akibat daripada kekurangan aktiviti perniagaan Prinsipal-prinsipalnya dan *Bestari Marine Sdn Bhd* mencatatkan perolehan lebih rendah kerana pulangan rendah daripada perkhidmatannya.

P&O Nedlloyd M.A. Sdn Bhd, bagaimanapun menyaksikan prestasi lebih baik berbanding 2002 dengan pemulihan kadar pengangkutan kerana terdapat transformasi positif di dalamimbangan di antara bekalan dan permintaan industri perkapalan. Dengan pertumbuhan perdagangan antarabangsa, di tambah pula dengan peningkatan perpindahan aktiviti pengeluaran ke Asia Timur, terutamanya China, ramalan untuk bidang perniagaan ini amat positif.

RIADAH

Pelbagai kejadian di dunia daripada wabak SARS ke serangan pengganas yang berlaku dalam separuh pertama 2003 memberi impak negatif kepada industri pelancongan dan hospitaliti di Malaysia dan serantau. Perkembangan ini memberi impak besar kepada *Boustead Travel Services Sdn Bhd*. Namun begitu, daya tahan perniagaan ini terserlah apabila syarikat ini berjaya mencatatkan pendapatan lebih baik sebelum tahun kewangan berakhir. Salah satu usaha utama adalah untuk membesarkan portfolio produk kembara



RIGHT Minister of Transport on board the PONL Houtman.
Menteri Pengangkutan di atas kapal PONL Houtman.



SERVICE INDUSTRY



TECHNOLOGY

Boustead Information Technology Sdn Bhd continued its focus in expanding its products and services from its traditional sectors – Plantation and Trading – in order to position itself to better meet future challenges in the information communications technology (ICT) sector. Towards this end, the company's priority is in developing security based solutions, namely Network Security, Security Access System and Fingerprint software, to tap the ever increasing demand for security systems software in this fast paced globalised ICT environment. At the same time, the company's software development team continued to enhance the mobile business solutions on the Pocket PC and the Plantation Information Management systems.

Asia Smart Cards Centre (M) Sdn Bhd recorded a sterling year under review as this business unit had managed to successfully secure the development of PMPC (Payment Multi Purpose Card) ATM cards from a majority of financial institutions in the country. This led to a total of more than 5 million PMPC ATM cards being personalised during the year. We expect to capitalise on this proven track record and build on the prospects available in the regional markets.

EDUCATION

The Boustead Group is confident that this business stream will yield positive dividends as education has much potential given the growing social-economic levels in Malaysia and the government's objectives of having 40% of Malaysians between the ages of 17 to 23 in higher education by 2010. On this score, *The University of Nottingham in Malaysia Sdn Bhd's* (UNIM) recruitment target of students for the academic year 2003 has been achieved at the commencement of the year. As the very first branch campus of a British University in Malaysia, we are confident that this campus will be an education destination of choice for not only Malaysians but students from across the region. On this note, the University's new campus which is under construction in Semenyih is on track for completion by July 2005.

Meanwhile, *Adskill Sdn Bhd*, a joint venture with TAFE New South Wales, continued to provide certificate skill-training programmes to Institute Kemahiran dan Keusahawan, PERHEBAT and professional development programmes for instructors in Government training agencies. This business unit was also responsible for helping formulate of the Human Resource Development Plan for the Economic Planning Unit, Prime Minister's Department.



INDUSTRI PERKHIDMATAN

FAR LEFT Deputy Prime Minister receiving his Honorary Doctor of Laws from the University of Nottingham in Kuala Lumpur.
Timbalan Perdana Menteri sedang menerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang daripada University of Nottingham.

LEFT UNIM's well received booth at an education fair.
Penyertaan UNIM di Pameran Pendidikan.

di mana syarikat telah dilantik sebagai pembekal utama New Zealand Great Breaks, yang menawarkan lebih daripada 20 pakej menarik ke New Zealand. Sementara itu, *Emasewa Sdn Bhd*, pemegang francais National Car Rental, mengalami sedikit kerugian untuk tempoh yang dikaji kerana bekalan berlebihan dan diskaun besar yang kini ditawarkan di dalam industri sewa kereta.

TEKNOLOGI

Boustead Information Technology Sdn Bhd terus memberi fokus mengembangkan produk dan perkhidmatan berbanding dengan sektor lama – Perladangan dan Perdagangan – untuk meletakkannya di dalam posisi yang lebih baik untuk menghadapi cabaran hadapan di dalam sektor teknologi komunikasi maklumat (ICT) di masa hadapan. Untuk mencapai matlamat ini, keutamaan syarikat adalah dalam membangunkan penyelesaian berdasarkan keselamatan, iaitu Keselamatan Rangkaian, Sistem Akses Keselamatan dan perisian Cap Jari, untuk menembusi permintaan yang meningkat terhadap perisian sistem keselamatan di dalam suasana ICT global yang semakin pesat. Pada masa yang sama, pasukan pembangunan perisian syarikat juga sedang meningkatkan penyelesaian perniagaan bergerak untuk sistem Pocket PC dan Pengurusan Maklumat Perladangan.

Asia Smart Cards Centre (M) Sdn Bhd telah mencatatkan prestasi yang cemerlang di dalam tahun yang dikaji di mana unit perniagaannya telah berjaya mendapat kerja pembangunan kad ATM PMPC (Kad Pembayaran Pelbagai Guna) daripada sebahagian besar institusi kewangan di dalam negara. Ini melibatkan lebih daripada 5 juta kad ATM PMPC ditempah untuk tahun ini. Dengan rekod ini, kami berharap untuk menggunakannya untuk menembusi pasaran serantau.

PENDIDIKAN

Kumpulan Boustead yakin bahawa perniagaan ini akan memberi pulangan dividen positif kerana bidang pendidikan mempunyai potensi besar ekoran pertumbuhan taraf sosio-ekonomi Malaysia dan matlamat kerajaan untuk mendapatkan 40% daripada warga negara Malaysia di antara umur 17 hingga 23 tahun mempunyai pendidikan tinggi pada 2010. Atas faktor-faktor ini, sasaran bilangan pelajar *The University of Nottingham in Malaysia Sdn Bhd's* bagi tahun akademik September 2003 telah berjaya dicapai pada permulaan tahun. Sebagai cawangan kampus pertama Universiti British di Malaysia, kami yakin kampus ini akan menjadi destinasi pendidikan pilihan bukan sahaja untuk rakyat Malaysia tetapi juga pelajar-pelajar serantau. Kampus baru Universiti yang dalam pembinaan di Semenyih akan disiapkan sebelum Julai 2005.

Sementara itu, *Adskill Sdn Bhd*, satu usaha sama dengan TAFE New South Wales, menyediakan program pensijilan latihan kemahiran kepada Institut Kemahiran dan Keusahawan, PERHEBAT dan program pembangunan profesional untuk membantu pelatih-pelatih pelbagai agensi latihan Kerajaan. Unit perniagaan ini juga telah diberi tanggungjawab untuk membantu menyediakan Pelan Pembangunan Sumber Manusia untuk Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.